

Tarikh : 08 Januari 2024

Semua Anggota Individu dan Koperasi

### NOTIS MESYUARAT AGUNG KAWASAN (MAK) BAGI TAHUN 2024

Dimaklumkan bahawa MAK Co-opbank Pertama 2024 bagi setiap kawasan akan diadakan bermula dari 27 Januari 2024 hingga 03 Mac 2024 sebagaimana jadual di bawah:

BIL	TARIKH & MASA	NEGERI	KAWASAN	TEMPAT
1	27/01/2024 (Sabtu) 9.00 pagi	Wilayah Persekutuan (1)	Kuala Lumpur	Dewan Sri Iskandar Setiawangsa, Setiawangsa, Kuala Lumpur.
			Setapak	
		Negeri Sembilan	Seremban & Port Dickson	Dewan B, Dewan Perdana KRS, Seremban.
		Melaka	Melaka	Mini Stadium Bistari, Ayer Keroh.
		Kelantan	Kota Bharu	Dewan Besar, Kompleks Balai Islam Lundang, Kota Bharu.
			Tanah Merah	
2	28/01/2024 (Ahad) 9.00 pagi	Wilayah Persekutuan (2)	Putrajaya	Dewan Masjid Raja Haji Fisabilillah, Cyberjaya.
3	03/02/2024 (Sabtu) 9.00 pagi	Kedah (1)	Alor Setar	Grand Ballroom, Raia Hotel & Convention Centre Alor Setar, Alor Setar.
			Jitra	
		Terengganu	Kuala Terengganu & Dungun	Dewan Baiduri 3, Raia Hotel & Convention Centre Terengganu, Kuala Terengganu.
		Selangor	Shah Alam Kuala Selangor	Dewan PERKIM Seksyen 8, Shah Alam.
4	04/02/2024 (Ahad) 9.00 pagi	Perlis	Kangar	Dewan 2020, Kangar.
5	17/02/2024 (Sabtu) 9.00 pagi	Johor	Batu Pahat	Danga 2, Danga Bay Convention Centre, Johor Bahru.
			Johor Bahru	
		Pahang	Kuantan	Dewan Atabara Indera Mahkota Kuantan, Kuantan.
			Temerloh	

BIL	TARIKH & MASA	NEGERI	KAWASAN	TEMPAT
6	18/02/2024 (Ahad) 9.00 pagi	Perak	Taiping	Rafflesia Ballroom, Kinta Riverfront Hotel & Suites, Ipoh.
			Ipoh & Manjung	
7	24/02/2024 (Sabtu) 9.00 pagi	Pulau Pinang (1)	Butterworth	Dewan SP Arena, Seberang Jaya.
			Bukit Mertajam	
		Sabah	Kota Kinabalu	Beluran Hall, The Klagan Hotel, Kota Kinabalu.
			Tawau	Dewan HBP, Tawau.
8	25/02/2024 (Ahad) 9.00 pagi	Pulau Pinang (2)	Bayan Baru	Dewan SP Arena, Seberang Jaya.
			Nibong Tebal	
9	02/03/2024 (Sabtu) 9.00 pagi	Sarawak	Kuching	Balai Merdeka, Merdeka Palace Hotel & Suites, Kuching.
		Kedah (2)	Sungai Petani	Dewan Kenangan, Sultan Abdul Hamid MPSPK, Sungai Petani.
			Kuala Ketil	
10	03/03/2024 (Ahad) 9.00 pagi	Pulau Pinang (3)	Kepala Batas	PERDA Convention Centre, Midtown PERDA, Tasek Gelugor.
			Tasek Gelugor	

#### Agenda MAK 2024 :

1. Melantik Seorang Pengerusi Dan Setiausaha Mesyuarat;
2. Melantik Perwakilan ke Mesyuarat Agung Perwakilan Co-opbank;
3. Membentangkan Sebagai Makluman Draf Akaun Co-opbank Pertama Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2023;
4. Membentangkan Sebagai Makluman Belanjawan Tahun 2024 dan Draf 2025 Untuk Dibentangkan Di Dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan;
5. Membentangkan Sebagai Makluman Cadangan Pindaan Kepada Undang-Undang Kecil Dan Aturan Aktiviti, (Jika Ada);
6. Membentangkan Usul-usul Daripada Lembaga Dan Anggota, Yang Diterima Tujuh (7) Hari Sebelum Mesyuarat Agung Kawasan Itu, (Jika Ada).

***Semua anggota dikehendaki membaca dengan teliti semua peringatan penting dan syarat-syarat pencalonan yang disertakan bersama-sama Notis MAK 2024 ini.***

Sekian, terima kasih.

Dengan Perintah Lembaga,

**Setiausaha Co-opbank Pertama**

### **Peringatan Penting Kepada Semua Anggota Individu Dan Koperasi :**

1. Usul-usul hendaklah kemukakan secara bertulis ke Pejabat Setiausaha CBP melalui pautan <https://mak.cbp.com.my> atau melalui emel [mapt@cbp.com.my](mailto:mapt@cbp.com.my) selewat-lewatnya tujuh (7) hari sebelum tarikh mesyuarat diadakan.
2. Semua anggota individu dan koperasi daripada kawasan tersebut di atas yang telah membayar syer minimum pada 31 Disember 2023 dan masih berdaftar sebagai anggota pada tarikh mesyuarat berhak untuk hadir dan mengundi.
3. Seseorang anggota individu tidak boleh hadir sebagai wakil koperasi dalam kawasan yang sama atau melantik wakil untuk hadir bagi pihaknya dalam sesuatu MAK.
4. Alamat terakhir yang didaftarkan di CBP akan menentukan kawasan di mana anggota tersebut akan menghadiri MAK 2024. ***Sebarang permohonan pertukaran kawasan MAK selepas 31 Disember 2023 atau pada hari mesyuarat dilangsungkan, tidak dibenarkan sama sekali.***
5. Waktu pendaftaran MAK bermula dari jam **8.00 pagi** hingga **10.00 pagi**. ***Kehadiran selepas jam 10.00 pagi tidak akan didaftarkan.***
6. Anggota CBP yang hadir **tidak dibenarkan membawa individu yang bukan anggota masuk ke dewan MAK** bagi menghormati perjalanan MAK 2024 dan anggota CBP yang lain.
7. Bayaran elaun kehadiran akan dikreditkan ke akaun simpanan anggota di CBP dalam tempoh **5 hari** bekerja selepas berlangsungnya MAK 2024 di setiap kawasan.

### **Syarat-Syarat Pencalonan Perwakilan Individu :**

1. Setiap anggota individu yang berminat menjadi perwakilan hendaklah melengkapkan Borang Percalonan Perwakilan MAK 2024 melalui pautan <https://mak.cbp.com.my>
2. Syarat sebagai calon perwakilan mestilah telah mencukupkan syer minimum **RM1,000.00 (Individu) / RM5,000.00 (Koperasi)**, bukan seorang yang bankrap dan tiada tunggakkan pembiayaan di CBP melebihi 6 bulan.
3. Tarikh tutup pencalonan adalah **tujuh (7) hari sebelum tarikh sesuatu MAK** diadakan dan hanya calon-calon yang hadir bersama pencadang dan penyokong sahaja layak untuk dipilih sebagai perwakilan ke Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan.

4. Pemilihan Perwakilan ke Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan akan dijalankan pada MAK 2024 kali ini dan tempoh pengundian adalah bermula dari Agenda ke-2 (*Agenda 2: Melantik perwakilan ke Mesyuarat Agung Perwakilan Co-opbank*) sehingga Agenda ke-5 (*Agenda 5: Membentangkan Sebagai Makluman Cadangan Pindaan Kepada Undang-Undang Kecil Dan Aturan Aktiviti; (Jika Ada)*).
5. **Calon-calon perwakilan mestilah hadir semasa senarai calon diumumkan pada Agenda ke-2** (*Agenda 2: Melantik perwakilan ke Mesyuarat Agung Perwakilan Co-opbank*). **Sekiranya calon tidak hadir semasa tempoh pengumuman calon-calon perwakilan, maka pencalonan tersebut akan terbatal.**
6. Tatacara pencalonan dan pengundian boleh diperolehi melalui portal <https://mak.cbp.com.my>

